

**Desas-Desus Pilihan Raya Belum Beri Kesan Kepada Bursa Tempatan  
Bernama  
2 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Pasaran saham Malaysia belum lagi menyaksikan sebarang pengaliran keluar dana asing yang ketara meskipun khabar-khabar angin tentang Pilihan Raya Umum ke-13 mulai kedengaran, kata Kenanga Research.

Ia berkata pasaran "yang masih kukuh" mungkin disebabkan oleh usaha berterusan kerajaan untuk memperkukuh defisit belanjawan negara selanjutnya kepada empat peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2013 daripada 4.5 peratus sekarang.

Bagaimanapun firma penyelidikan itu berkata, suku keempat mungkin menjadi suku yang mencabar dan diselubungi oleh keadaan tidak menentu yang tercetus daripada pilihan raya umum yang dinanti-nantikan sejak sekian lama itu.

"Walaupun model-model ramalan pasaran kami menunjukkan peningkatan selanjutnya bagi FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) dan tiga hingga 12 bulan akan datang, namun kami sedar tentang wujudnya risiko penurunan.

"Justeru itu, kami memilih untuk menggunakan strategi dagangan berjajaran di antara 1,610 dan 1,710 sebelum kami bergiat lebih agresif selepas pilihan raya umum," kata firma itu dalam satu nota penyelidikan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699004>